

**MENGENAL TAHAP PENGETAHUAN DAN PERSEPSI
PENGGUNA MUSLIM TERHADAP PENSIJILAN
HALAL PADA PREMIS MAKANAN (RESTORAN)
DI BANDAR TAWAU, SABAH**

DAHIRAH BINTI MAHMUD

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA MUDA
SAINS MAKANAN DAN PEMAKANAN DENGAN
KEPUJIAN DALAM BIDANG TEKNOLOGI MAKANAN
DAN BIOPROSES**

**SEKOLAH SAINS MAKANAN DAN PEMAKANAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2011**



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

TITUL: Mengkaji Tahap Pengetahuan dan Persepsi Pengguna Muslim di Pada premis makanan di Bandar Tawau, Sabah

TAJAZAH: Sarjana Muda Sains Makanan dan Pemakanan
Ijazah dalam Teknologi Makanan dan Bioproses
SESI PENGAJIAN: 2008/2008

Saya DAHIRAH BINTI MAHMUD
(HURUF BESAR)

Mengakuan membenarkan tesis (LPS/ Sarjana/ Doktor Falsafah) ini di simpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. ** Sila tandakan (/)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh

- dahpott -

(TANDATANGAN PENULIS)

Jusulij

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

Alamat Tetap: NO. 12 Blok B

Lorong 7, Taman Kullub

Jalan Utara 91000

Tawau Sabah

Tarikh: 27/05/2011

Cik Adilah Md. Farid

Nama Penyerah

Tarikh: 27/05/2011

PERHATIAN: * Potong yang tidak berkenaan.

* Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampiran surat daripada pihak berkuasa/organsasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

* Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).



PENAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap – tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

26 Mei 2011

-dahirah-

Dahirah Binti Mahmud
BN07110051



PENGESAHAN

NAMA : DAHIRAH BINTI MAHMUD
NOMBOR MATRIK : BN07110051
TAJUK : MENKAJI TAHAP PENGETAHUAN DAN PERSEPSI PENGGUNA MUSLIM TERHADAP PENSIJILAN HALAL PADA PREMIS MAKANAN (RESTORAN) DI BANDAR TAWAU, SABAH.
PENGJAJAHAN : IJAZAH SARJANA MUDA SAINS MAKANAN DAN PEMAKANAN DENGAN KEPUJIAN DALAM BIDANG TEKNOLOGI MAKANAN DAN BIOPROSES.
TARIKH VIVA : 24 HB MEI 2011

DISAHKAN OLEH

1. **PENYELIA**


Cik Adilah Binti Md. Ramli

Tandatangan



2. **PEMERIKSA PERTAMA**

Prof. Madya Dr. Sharifudin bin Md. Shaarani




3. **PEMERIKSA KEDUA**

Dr. Hasmadi Mamat

Hasmadi Mamat

4. **DEKAN**

Prof. Madya Dr. Sharifudin bin Md. Shaarani



PENGHARGAAN

Dengan nama Tuhan Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang.

Bersyukur ke hadrat ilahi dengan limpah kurniaNya, akhirnya dapat saya selesaikan projek penyelidikan tahun akhir ini dengan sempurna dan dapat menyelesaikan laporan projek ini dengan jayanya.

Ucapan setinggi - tinggi terima kasih saya tujukan kepada penyelia saya, Cik Adilah Md.Ramli atas segala nasihat, bantuan dan tunjuk ajar serta komitmen yang beliau berikan untuk membantu dan membimbing saya dalam proses menghasilkan penulisan ini. Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada Prof. Madya Dr. Sharifudin bin Md. Shaarani dan Dr. Hasmadi Mamat atas segala bimbingan dan bantuan yang diberikan sepanjang projek penyelidikan ini dijalankan. Penghargaan juga turut ditujukan kepada semua pensyarah Sekolah Sains Makanan dan Pemakanan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam memberi bantuan kepada saya sepanjang perjalanan projek penyelidikan ini.

Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada kedua ayahanda dan bonda ahli keluarga serta rakan - rakan yang selalu memberi semangat, dorongan dan bantuan kepada saya sepanjang tempoh menyiapkan projek penyelidikan ini. Akhirnya terima kasih juga saya ucapkan kepada mana – mana pihak yang tidak dinyatakan di sini yang membantu bagi memastikan penulisan projek penyelidikan ini disiapkan dengan jayanya.

- dahirah binti mahmud -

Dahirah Binti Mahmud

MEI 2011



ABSTRAK

Penyelidikan bertujuan menentukan Tahap Pengetahuan Dan Persepsi Pengguna Muslim Di Bandar Tawau Sabah Terhadap Pensijilan Halal Pada Premis Makanan (Restoran) serta untuk mengetahui hubungan antara Tahap Pengetahuan dan Persepsi pengguna Muslim dengan faktor demografi responden. Jumlah responden yang diperolehi ialah 421 orang yang terdiri daripada 52% responden lelaki dan 48% responden perempuan. Responden ini terdiri dari pengguna Muslim sahaja. Julat umur responden yang terlibat adalah antara 20 tahun hingga 70 tahun. Seramai 43.9% responden berada pada tahap pengetahuan yang tinggi di mana skor markah tahap pengetahuan berada di antara 10 hingga 12 markah. Hanya 22.6% responden yang mendapat tahap pengetahuan yang sangat tinggi di mana skor markah pengetahuan berada di antara 13 hingga 15 markah. Persepsi responden tentang Pensijilan Halal pada premis makanan berada pada tahap yang tinggi di mana nilai min keseluruhan ialah 4.56 dimana majoriti responden sangat bersetuju tentang kepentingan Pensijilan Halal dalam pemilihan premis makanan. Terdapat hubungan yang signifikan dan korelasi yang sangat lemah antara ciri demografi responden dengan tahap pengetahuan responden dari segi pendidikan, pekerjaan dan bangsa responden. Bagi hubungan antara ciri demografi dan persepsi responden terdapat hubungan signifikan dan korelasi yang sangat lemah antara pendidikan, pekerjaan bangsa dan status responden. Secara keseluruhannya, terdapat hubungan signifikan dan korelasi yang lemah antara tahap pengetahuan dan jumlah keseluruhan persepsi responden di mana nilai $p = 0.000$ ($p < 0.05$, $\chi^2 = 69.516$) dan nilai korelasi $r = 0.246$. Secara kesimpulannya tahap pengetahuan pengguna Muslim mempengaruhi persepsi mereka terhadap pensijilan halal premis makanan Muslim di Bandar Tawau, Sabah.



ABSTRACT

STUDY ON DETERMINATION OF THE KNOWLEDGE LEVEL AND THE PERCEPTION AMONG MUSLIM CONSUMER TOWARDS HALAL CERTIFICATION IN FOOD PREMISES

Study on determination of the knowledge level and the perception among Muslim consumer towards Halal Certification in Food Premises (Restaurant) in Bandar Tawau, Sabah and also to examine the consumer perceptions and knowledge level compared to the respondents demographics profiles. Method of survey is by using questionnaire. The total respondents is 421 which include 52% male respondents and 48% female respondents and all the respondents are Muslim. The respondents age range are between 20 to 70 years old. Majority of the respondent, 43.9% (185) was at high level of knowledge towards Halal Certification in Food Premises where the marks score is between 10 to 12. While only 22.6% respondents got the score mark between 13 to 15 which is at very high of knowledge level. The respondents level of perception about Halal Certification in Food Premises is at high level (total mean = 4.56) where majority of the respondent is strongly agree about the importance of Halal Certification in choosing the food premises. There is a significant difference and a very weak correlation between level of knowledge and respondents demographic profiles such as respondents education level, occupation and race. There is a significant difference and a very weak correlation between perception and respondents demographic profiles such as respondents education level, occupation race and status. Overall there is a significant difference and a very weak correlation between knowledge level and the total perception where p value = 0.000 ($p < 0.05$, $\chi^2 = 69.516$) and r value = 0.261. Overall conclusion, the knowledge level among Muslim consumer influence their perception towards Halal Certification in Food Premises (Restaurant) in Bandar Tawau, Sabah.



SENARAI KANDUNGAN

	HALAMAN
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI SIMBOL	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv
BAB 1 : PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Pernyataan Masalah	4
1.3 Objektif Kajian	5
1.4 Hipotesis Kajian	5
1.5 Rasional Kajian	6
1.6 Kepentingan Kajian	6



BAB 2 : ULASAN KEPUSTAKAAN

2.1	Pengenalan	7
2.2	Definisi Pengetahuan	8
2.3	Definisi Persepsi	8
2.4	Konsep dan Definisi Istilah Makanan Halal dan Haram	9
2.4.1	Halal dan Haram	9
2.4.2	Sumber Makanan Halal	10
2.4.3	Hikmah Pengharaman	11
2.5	Pensijilan Halal di Malaysia	12
2.5.1	Sejarah Pensijilan Halal	13
2.5.2	Prosedur Permohonan	14
2.5.3	Keperluan Umum	15
2.6	Pengguna Muslim	16
2.6.1	Definisi Pengguna	16
2.6.2	Pengguna Muslim di Malaysia	16
2.6.3	Prinsip Pengguna Menurut Perspektif Islam	16
2.6.4	Peranan Pengguna Muslim di Malaysia	18
2.6.5	Isu Penyalahgunaan Logo Halal	18
2.7	Premis Makanan	19
2.8	Industri Makanan Halal Global	19

BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN

3.1	Kaedah Kajian	21
3.2	Latar Belakang Tempat Kajian	22



3.3	Responden Kajian	24
3.3.1	Populasi	24
3.3.2	Persampelan	24
3.4	Borang Kaji Selidik	28
3.4.1	Bahagian A	28
	Demografi (Latarbelakang Responden)	
3.4.2	Bahagian B	29
	Tahap Pengetahuan Pengguna Muslim Terhadap Pensijilan Halal dan Makanan Halal.	
3.4.3	Bahagian C	31
	Pandangan Dan Persepsi Pengguna Muslim Terhadap Pensijilan Halal Pada Premis Makanan (Restoran)	
3.4.4	Bahagian D	32
	Amalan Dan Sikap Pengguna Muslim Terhadap Pensijilan Halal Pada Premis Makanan Dan Juga Amalan Kepenggunaan.	
3.5	Kajian Rintis	33
3.5.1	Penentuan nilai <i>Alpha Cronbach's</i>	34
3.6	Kaedah Penganalisaan Data	35
3.6.1	Taburan Frekuensi	34
3.6.2	Analisis Khi Kuasa Dua	36
3.6.3	Ujian Korelasi	35
3.7	Limitasi Kajian	38
3.8	Etika Penyelidikan	38

PERPUSTAKAAN SABAH
 UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



BAB 4 : HASIL DAN PERBINCANGAN

4.1	Demografi Responden	38
4.2	Tahap Pengetahuan Pengguna Muslim Tentang Makanan dan Pensijilan Halal pada premis makanan	42
4.2.1	Skor Markah Pengetahuan Keseluruhan	43
4.2.2	Pengetahuan Tentang Makanan Halal	45
4.2.3	Pengetahuan Tentang Definisi Pensijilan Halal dan Proses Permohonan Pensijilan Halal Di Malaysia	47
4.2.4	Pengetahuan Tentang Permohonan Pensijilan Halal pada Premis Makanan (Restoran)	51
4.3	Persepsi Tentang Pensijilan Halal Pada Premis Makanan	53
4.4	Hubungan antara Skor Markah Pengetahuan dan Pesepsi Pengguna	57
4.5	Hubungan antara Ciri Demografi dengan Skor Markah Pengetahuan	58
4.6	Hubungan antara Persepsi dengan Ciri Demografi	62

BAB 5 : KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Kesimpulan	62
5.2	Cadangan	63

RUJUKAN	66
----------------	----

LAMPIRAN	74
-----------------	----



SENARAI RAJAH

	Halaman	
Rajah 3.1	Peta Kedudukan Pusat Bandar Tawau, Sabah	23
Rajah 3.2	Peta Kawasan Kajian Di Bandar Tawau, Sabah	27
Rajah 4.1	Peratusan Responden Mengikut Jantina	38
Rajah 4.2	Peratusan Responden Mengikut Umur	39
Rajah 4.3	Peratusan Responden Mengikut Bangsa	40
Rajah 4.4	Peratusan Responden Mengikut Tahap Pendidikan	41
Rajah 4.5	Peratusan Responden Mengikut Status Perkahwinan	41
Rajah 4.6	Peratusan Responden Mengikut Pekerjaan	42
Rajah 4.7	Peratusan Responden Mengikut Skor Markah	44
Rajah 4.8	Bahagian Definisi Makanan Halal	45
Rajah 4.9	Bahagian Definisi Dan Proses Permohonan Pensijilan Halal	47
Rajah 4.10	Bahagian Pensijilan Halal Pada Premis Makanan (Restoran)	52
Rajah 4.11	Peratusan Responden Mengikut Skor Markah Tahap Pengetahuan Dan Tahap Pendidikan	59
Rajah 4.12	Peratusan Responden Mengikut Skor Markah Tahap Pengetahuan Dan Pekerjaan	60
Rajah 4.13	Peratusan Responden Mengikut Skor Markah Tahap Pengetahuan Dan Bangsa	61



SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 3.1: Saiz Sampel Pada Aras Kesignifikanan $P < 0.05$	26
Jadual 3.2: Bilangan Responden Mengikut Premis Makanan	28
Jadual 3.3: Taburan Frekuensi Berkumpulan Bagi Markah Yang Diperolehi Oleh 40 Orang Pelajar Perempuan	30
Jadual 3.4: Skor Markah Untuk Menentukan Tahap Pengetahuan	30
Jadual 3.5: Nilai Skor Min	32
Jadual 3.6: Skor <i>Alpha Cronbach</i>	34
Jadual 3.7: Kekuatan Nilai Pekali Korelasi	37
Jadual 4.1: Persepsi Responden Tantang Pensijilan Halal Pada Premis Makanan	54
Jadual 4.2: Purata Nilai Min Keseluruhan Bagi Persepsi	56
Jadual 4.3: Hubungan Antara Tahap Pengetahuan Dengan Persepsi Keseluruhan	57
Jadual 4.4: Hubungan Antara Tahap Pengetahuan Dan Faktor Demografi	58
Jadual 4.5: Hubungan Antara Persepsi Dan Faktor Demografi	62

SENARAI SINGKATAN DAN SIMBOL

JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
<i>HDC</i>	<i>Halal of Development Corporation Sdn.Bhd</i>
JAIN	Jabatan Agama Islam Negeri
MAIN	Majlis Agama Islam Negeri
SPSS	<i>Statistical Packages for Social Sciences</i>
KFC	<i>Kentucky Fried Chicken</i>
MPT	Majlis Perbandaran Tawau
-	Sehingga
%	Peratus
>	Lebih daripada
<	Kurang daripada
=	Sama Dengan
N	Jumlah bilangan responden
p	Aras Keertian
&	Dan



SENARAI LAMPIRAN

	Halaman	
LAMPIRAN A	Surat Permohonan Daripada Pihak SSMP Kepada Majlis Perbandaran Tawau (MPT)	74
LAMPIRAN B	Surat Permohonan Daripada Pihak SSMP Kepada Jabatan Perangkaan Dan Statistik Cawangan Tawau	75
LAMPIRAN C	Surat Memohon Kerjasama/Izin Pemilik Restoran	76
LAMPIRAN D	Surat Makluman Tentang Kajian Kepada Pengguna Restoran	78
LAMPIRAN E	Borang Soal Selidik	80
LAMPIRAN F	Data Ujian Reliabiliti (Nilai <i>Alpha Cronbach's</i>)	90
LAMPIRAN G	Data Kajian Sosiodemografi	91
LAMPIRAN H	Data Kajian Persepsi Pengguna	92
LAMPIRAN I	Data Analisis Ujian Khi Kuasa Dua (Tahap Pengetahuan Dan Demografi)	95
LAMPIRAN J	Data Analisis Ujian Khi Kuasa Dua (Persepsi Keseluruhan Dan Demografi)	98
LAMPIRAN K	Data Analisis Ujian Korelasi (Tahap Pengetahuan Dan Demografi)	101
LAMPIRAN L	Data Analisis Ujian Korelasi (Persepsi Keseluruhan Dan Demografi)	107
LAMPIRAN M	Data Analisis Ujian Korelasi (Tahap Pengetahuan Dan Persepsi)	110

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Selaras dengan pertumbuhan ekonomi yang semakin pesat dan membangun, sektor industri makanan juga turut berkembang khususnya industri makanan halal. Malaysia yang berjaya menembusi pasaran halal antarabangsa khususnya dalam sektor makanan telah menaikkan nama Malaysia. Proses Islamisasi yang semakin meningkat bermula pada tahun 1970an telah memberikan impak dan membawa fenomena baru kepada masyarakat Muslim di Malaysia terhadap aspek keagamaan secara umum dan juga terhadap konsep halal haram (Md. Tawfik *et al.*, 2009). Kini permintaan terhadap pasaran halal yang dijangka meningkat berikutan peningkatan jumlah penduduk yang semakin bertambah sehingga mencecah dua bilion orang dengan 57 buah negara di dunia adalah majoritinya Islam (Mohd Mohadis, 2008). Di Malaysia lebih daripada 60% populasi adalah Muslim dan perbelanjaan mereka dalam produk dan perkhidmatan halal adalah melebihi RM 5 billion setahun (Norzalila, 2004).

Pengertian halal dalam Islam adalah meluas dan ia adalah suatu konsep yang meliputi seluruh aspek kehidupan. Dari segi makanan, umat Islam hendaklah memastikan apa sahaja yang dimakan adalah dari sumber yang halal dan perlu juga memastikan bahan – bahan yang di gunakan adalah halal. Keseluruhan proses pemprosesan makanan dan minuman hendaklah di jaga kesuciannya. Kebanyakan umat Islam kini sedia maklum tentang aspek halal dan haram dalam kehidupan.



Namun demikian ramai yang tidak mengetahui tentang pemprosesan makanan dan bahan - bahan makanan secara keseluruhannya. Dalam pemprosesan makanan, penggunaan bahan – bahan tambah tidak dapat dielakkan kerana ia memainkan peranan penting dalam pemprosesan makanan. Adalah penting untuk pengusaha makanan khususnya untuk memahami konsep halal yang sebenar kerana pengguna di Malaysia kini menjadi semakin mengambil berat tentang isu halal dan haram dalam makanan (Md. Tawfik *et al.*, 2009).

Terdapat banyak fakta yang menunjukkan bahawa faktor agama memainkan peranan yang penting dalam masyarakat dan ia dianggap sebagai salah satu panduan utama dalam pengambilan dan pemilihan makanan (Dindyal, 2003). Secara umumnya faktor agama dapat mengawal sikap dan amalan pengguna (Delener, 1994) termasuk juga dalam pembelian produk makanan atau pemilihan premis makanan (Blackwell *et al.*, 2001).

Akibat daripada impak globalisasi terdapat pelbagai produk dan perkhidmatan membanjiri pasaran secara domestik atau global dan terdapat segelintir jenama tempatan yang melabelkan produk mereka dengan jenama “Islamik” melalui pembungkusan dan pelabelan. Ini adalah bertujuan untuk membolehkan produk mereka diketahui umum sebagai produk halal kepada pengguna Muslim khususnya (Osman, 2002). Isu kesucian sesuatu produk atau perkhidmatan adalah sensitif kepada masyarakat Islam. Bagi umat Islam, sebarang isu berkaitan dengan persoalan halal dan haram adalah perlu diberi perhatian secara serius (Abdul Basit dan Sahilah, 2009). Oleh kerana kepercayaan Islam dibentuk oleh ajaran Islam itu sendiri, maka tiada apa pun yang boleh dipandang remeh (Persatuan Pengguna Pulau Pinang, 2006).

Sehubungan itu, pemilihan makanan halal dan baik perlu diambil berat oleh setiap umat Islam. Ini bertujuan memastikan makanan yang digunakan itu tidak



memudaratkan manusia itu sendiri (Abdul Basit dan Sahilah, 2009). Selain itu, setiap makanan yang dipilih juga perlu dijamin bersih dan suci mengikut hukum syarak (Mohd. Mohadis, 2008).

Pengguna Muslim merupakan golongan pengguna yang terbesar di Malaysia dan juga seperti pengguna yang lain hak mereka hendaklah dijaga dan dilindungi. Namun demikian tidak semua pengguna Muslim mempunyai kesedaran kepenggunaan. Sikap pengguna Muslim dalam isu kepenggunaan dan makanan halal amatlah penting kerana pengguna Muslim merupakan antara pasaran terbesar yang disasarkan oleh pengeluar makanan dalam negara ini. Ramai pengusaha dan pengeluar makanan yang semakin menyedari potensi pasaran makanan halal di negara ini adalah sesuatu yang tidak boleh disia – siakan.

Pengguna Muslim memainkan peranan penting dalam menentukan penawaran dan permintaan pasaran produk makanan dan bahan - bahan makanan dalam negara ini khususnya. Jika ini dapat dilaksanakan, pasaran global juga turut dapat dikuasai oleh pengguna Muslim sekaligus menjamin bekalan bahan - bahan makanan halal dalam industri makanan negara (JAKIM, 2010).

Pensijilan halal adalah merangkumi segenap aspek yang bermula dari proses penyediaan bahan mentah, bahan mentah yang di gunakan, proses penyembelihan, pembersihan, pengendalian, pemprosesan hingga kepada proses pengangkutan dan penyimpanan. Restoran makanan segera seperti Kentucky Fried Chicken (KFC), Burger King, dan juga Taco Bell menunjukkan peningkatan kadar penjualan dalam perniagaan sebanyak 20% setelah mendapat Pensijilan Halal (Md Tawfik et al., 2009). Maka dengan memahami kecenderungan pengguna Muslim memilih produk halal para

pengusaha dapat memenuhi kehendak pengguna Muslim sekaligus menjadikannya matlamat dalam perusahaan dan seterusnya memenuhi kehendak pasaran.

1.2 Penyataan Masalah

Pengguna Muslim sentiasa berdepan dengan isu halal dan haram dalam kehidupan seharian khususnya dalam makanan dan minuman. Pengusaha dan pengeluar produk makanan dan minuman pada masa kini berusaha untuk memenuhi kehendak pasaran produk halal melalui Pensijilan Halal. Masalah pengusaha yang bertindak mengelabui dan mengeksploitasi pengguna Muslim dengan menggunakan bahan makanan yang diharamkan tetapi mempunyai Sijil Pengesahan Halal hendaklah diatasi dengan segera untuk meningkatkan keyakinan pengguna Muslim terhadap produk makanan dan perkhidmatan yang halal.

Adalah penting untuk menentukan tahap pengetahuan dan persepsi pengguna Muslim terhadap Pensijilan Halal semasa memilih sesuatu produk dan sama ada logo dan sijil halal memberikan kesan terhadap pemilihan pengguna Muslim. Kebanyakan restoran dan kopitiam yang beroperasi di negara ini memiliki sijil halal yang dikeluarkan oleh pihak yang tidak mendapat pengiktirafan oleh pihak kerajaan Malaysia (JAKIM, 2010). Hanya logo halal Malaysia yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang boleh digunapakai kerana jaminan halal itu berdasarkan proses piawaian serta prosedur yang telah ditetapkan (JAKIM, 2010).

Berdasarkan pemeriksaan daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) ke atas hotel-hotel dan premis makanan di sekitar Lembah Klang 70% daripada premis makanan yang diperiksa berselindung di sebalik terma bufet Ramadan diragui status halalnya (JAKIM, 2010). Hotel terbabit yang tidak memiliki sijil halal telah mencampurkan alkohol dalam masakan untuk penyediaan bufet Ramadan. Para

pengguna serta pengunjung yang mempunyai sebarang keraguan terhadap status halal premis restoran atau kopitiam hendaklah merujuk terlebih dahulu Bahagian Hub Halal JAKIM. Masyarakat Muslim negara ini perlu mempunyai kesedaran agar tidak memilih hotel yang tidak memiliki sijil halal.

1.3 Objektif Kajian

1. Mengkaji tahap pengetahuan pengguna Muslim terhadap pensijilan halal pada premis makanan (restoran)
2. Mengkaji persepsi pengguna Muslim terhadap kepentingan pensijilan halal pada premis makanan (restoran)
3. Mengkaji sama ada tahap pengetahuan pengguna Muslim mempengaruhi persepsi terhadap kepentingan pensijilan halal pada premis makanan (restoran)
4. Mengkaji hubungan tahap pengetahuan dengan ciri – ciri demografi responden.
5. Mengkaji hubungan antara persepsi pengguna Muslim terhadap pensijilan halal pada premis makanan (restoran) dengan ciri – ciri demografi responden.

1.4 Hipotesis Kajian

- H_0 : Tahap pengetahuan tidak mempengaruhi persepsi pengguna Muslim terhadap pensijilan halal pada premis makanan (restoran).
- H_1 : Tahap pengetahuan mempengaruhi persepsi pengguna Muslim terhadap pensijilan halal pada premis makanan (restoran).

1.5 Rasional Kajian

Penyelidikan ini ini dijalankan adalah untuk mengkaji Tahap Pengetahuan dan Persepsi Pengguna Terhadap Pensijilan Halal Pada Premis Makanan (Restoran). Penyelidikan juga turut bertujuan untuk mengetahui sama ada pengguna mengambil berat status halal haram sesuatu premis makanan atau tidak semasa memilih premis makanan. Kedua dua aspek ini akan memberi maklumat penting terhadap pengguna Muslim dan juga kepada pihak berkuasa yang memantau premis makanan yang sedang beroperasi. Maklumat ini dapat membantu memperbaiki dan meningkatkan tahap kesedaran pengguna Muslim terhadap pemilihan premis makanan halal. Para pengusaha premis makanan juga boleh menggunakan maklumat ini sebagai satu cara untuk memenuhi permintaan terhadap pasaran makanan halal dan memperbaiki perusahaan mereka.

1.6 Kepentingan Kajian

Penyelidikan ini membawa banyak manfaat kepada para pengguna, pengeluar makanan, pengusaha makanan dan juga kepada masyarakat secara keseluruhannya. Ini kerana Industri Makanan Halal semakin berkembang dan mendapat perhatian. Justeru itu, para pengguna Muslim dapat memperolehi pendedahan dan sekaligus mendapat panduan berkenaan isu pensijilan halal. Manakala pihak pengeluar dan pengusaha industri makanan pula akan dapat meningkatkan lagi usaha dalam memartabatkan lagi Industri Makanan Halal. Secara keseluruhannya masyarakat akan memperolehi manfaat melalui kajian ini dengan sedikit pendedahan tentang isu pensijilan halal di Malaysia khususnya.



BAB 2

ULASAN KEPUSTAKAAN

2.1 Pengenalan

Malaysia sebuah negara Islam yang maju dan berkembang pesat dalam semua bidang dan khususnya industri makanan yang semakin berkembang pesat seiring dengan pembangunan negara. Industri Makanan Halal mampu menjana ekonomi negara sekaligus membantu dalam pembinaan Muslim yang hakiki dan sempurna dari semua segi keperibadian manusia. Sebagai masyarakat yang berkongsi sebuah negara dengan masyarakat bukan Islam yang lain, pengguna Muslim perlu lebih prihatin dan mampu memilih makanan yang halal mengikut syarak. Masyarakat bukan Islam di Malaysia juga perlu dijelaskan dengan lebih mendalam tentang konsep halal haram makanan mengikut perspektif Islam yang sebenarnya untuk menjamin keutuhan Industri Makanan Halal negara (Ghafani, 2003).

Kepentingan makanan yang halal telah disebut oleh Allah di dalam Al-Quran lebih 1400 tahun yang lampau menunjukkan betapa pentingnya konsep pemakanan halal yang sempurna. Malah mengikut ayat 88 Surah Al-Maidah, Allah menegaskan bahawa tabiat makan dan minum adalah tanda keimanan seseorang (Mohd Mohadis, 2008). Masyarakat yang maju adalah yang maju dari semua segi bukan sahaja dari segi pembangunan kebendaan sahaja tetapi dari segi kemajuan insani yang jitu dan mapan. Atas dasar itulah pemakanan yang sempurna dan halal mengikut kehendak syarak membawa kepada keutuhan iman dan kegemilangan sesebuah bangsa. (Mohd Mohadis, 2008).



2.2 Definisi pengetahuan

Pengetahuan mempunyai tiga definisi berbeza. Maksud pertama ialah perihalan mengetahui, apa – apa yang di ketahui. Manakala maksud kedua ialah perihal tahu, kepandaian dan kebijaksanaan dan maksud ketiga ialah ilmu (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005).

Pengetahuan memainkan peranan penting dalam penilaian dan persepsi individu tertentu tentang isu tertentu. Pengetahuan seseorang dipengaruhi oleh beberapa faktor antaranya ialah taraf pendidikan individu tersebut. Melalui pengetahuan kita dapat membezakan manusia yang jahil dengan manusia yang berilmu.

2.3 Definisi Persepsi

Kotler dan Keller (2006) menjelaskan persepsi sebagai proses bagaimana seseorang memilih, mengatur dan menginterpretasikan data dan informasi untuk memberikan gambaran keseluruhan. Selain itu, persepsi seseorang juga merupakan proses aktif yang memegang peranan, bukan hanya stimulus yang mengenainya tetapi juga individu sebagai satu gabungan dengan pengalaman-pengalamannya, motivasi serta sikapnya yang relevan dalam mentafsir rangsangan dari sekeliling (Kotler dan Keller, 2006).

Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (2005) persepsi didefinisikan sebagai gambaran atau bayangan dalam hati atau fikiran (tentang sesuatu), pandangan (menerusi pancaindera), tanggapan. Persepsi individu berkenaan tentang isu tertentu adalah berlainan dan dipengaruhi oleh faktor – faktor tertentu seperti pengalaman hidup dan tahap pendidikan individu tersebut.

2.4 Konsep dan Definisi Istilah Makanan Halal dan Haram

Kesucian makanan sangat penting kerana ia memberi implikasi di dunia dan akhirat. Pembinaan diri individu itu sendiri dipengaruhi oleh faktor kesucian makanan yang diambil. Individu yang jasadnya terbina daripada sumber yang halal dapat dilihat peribadi atau psikologinya adalah baik, maka persoalan halal dan haram adalah perkara yang tidak boleh diambil mudah (Siti Norlina, 2008).

2.4.1 Halal dan Haram

Halal berasal daripada kalimah Arab yang bermaksud dibenarkan atau dibolehkan oleh Hukum Syarak. Halal bermaksud sesuatu perkara atau perbuatan yang dibenarkan oleh hukum syarak, manakala pengertian haram adalah sesuatu perkara atau perbuatan yang bertentangan dengan hukum syarak (Zalina, 2004). Halal dan haram adalah suatu konsep yang merangkumi segenap aspek kehidupan, bukan sahaja untuk makanan tetapi juga dari segi pemakaian, perlindungan, kewangan, ekonomi dan sebagainya.

Takrif Halal mengikut Perintah Perihal Dagangan (Penggunaan Perbahasaan "Halal") 1975 adalah apabila digunakan berhubung dengan makanan dalam apa-apa juga bentuk dalam perjalanan perdagangan atau perniagaan sebagai suatu perihal dagangan atau sebagai sebahagian daripada suatu perihal dagangan yang dipakai bagi makanan itu, perbahasan-perbahasan 'Halal', 'Ditanggung Halal' atau 'Makanan Islam' atau apa-apa perbahasan lain yang menunjukkan atau mungkin difahamkan sebagai menunjukkan bahawa orang-orang Islam adalah dibenarkan oleh agama mereka memakan makanan tersebut (JAKIM, 2010). Secara umumnya, makanan yang haram adalah seperti khinzir, alkohol, darah, bangkai dan haiwan yang tidak disembelih atas nama Allah S.w.t dan ini juga adalah termasuk makanan halal yang bercampur atau dicemari dengan bahan – bahan yang tidak halal (Mian dan Muhammad, 2004).



RUJUKAN

- Abdul Basit Samat@Darawi dan Sahilah Mohd Rodzi. 2009. *Persepsi Pelajar Fakulti Pendidikan Terhadap Makanan Berlogo Halal*. Skudai. Universiti Teknologi Malaysia
- Abang Sulaiman Bin Abang Salleh, Mohd Amran Bin Hasbullah dan Wan Ariffin Bin Wan. 2006. *Persepsi, Kesedaran dan Tindakan Masyarakat Islam Terhadap Makanan Berasaskan Daging Ayam Halal. Kajian Kes di Kuching, Sarawak*. Universiti Teknologi Mara.
- Ahmad Nizam Bin Abdullah. 2006. *Perception And Awareness Among Food Manufacturers And Marketers On Halal Food In The Klang Valley*. Thesis Degree of Master Of Science. Serdang. Universiti Putra Malaysia.
- Akta Makanan 1983 (Akta 281). Selangor: International Law Book Series
- Akta Perlindungan Pengguna 1999 (Akta 599). Selangor: International Law Book Series.
- Akta Perihal Dagangan 1972 (Akta 87). Perintah Perihal Dagangan (Penggunaan Perbahasan Halal 1975). Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Baker Ahmad Alserhan. 2010. On Islamic Branding: Brands As Good Deeds. *Journal of Islamic Marketing* 1(2): 101-106.
- Bishan Singh. 2001. Pendidikan Pengguna Untuk Hak-Hak Dan Tanggungjawab Pengguna Kod Etika Amalan Perniagaan Kepentingan Penglabelan Barangan Untuk Persatuan Jualan Langsung Malaysia. Pendidikan Pengguna (3:1)
- Blackwell, R.D., Miniard, P.W. and Engel, J.F.2001. *Consumer Behavior*. Florida: Harcourt Inc.

- Chua Yan Piaw. 2006a. *Kaedah Dan Statistik Penyelidikan Buku 1, Kaedah Penyelidikan*, Selangor: Mc Graw Hill Education.
- Chua Yan Piaw. 2006b. *Kaedah Dan Statistik Penyelidikan Buku 2, Asas Statistik Penyelidikan*. Selangor: Mc Graw Hill Education.
- Chua Yan Piaw. 2008. *Kaedah Dan Statistik Penyelidikan Buku 3: Asas Statistik Penyelidikan*. Selangor: Mc Graw Hill Education.
- Chua Yan Piaw 2009. *Kaedah Dan Statistik Penyelidikan Buku 5, Statistik Penyelidikan Lanjutan*. Selangor: Mc Graw Hill Education.
- Delener, N. 1994. "Religious contrasts in consumer decision behaviour patterns: their dimensions and marketing implications". *European Journal of Marketing*. **28**:5 36-53.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. 2005. *Kamus Dewan*. (Edisi Keempat). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Dindyal, S. 2003. "How personal factors, including culture and ethnicity, affect the choices and selection of food we make". *Internet Journal of Third World Medicine*. **1**:2, 27-33
- Faber, L. 2000. *Elementary Statistic*. London: Prentice Hall Inc.
- Ferdaus Hossain. 2002. Consumer Acceptance of Food Biotechnology: Willingness to Buy Genetically Modified Food Products. Food Policy Institute University of NewJersey.Online <http://www.foodpolicyinstitute.org>. Retrieved 2 March 2011
- Fink, Arlene. 1995. *How to Report on Surveys*. Los Angeles : SAGE Publications.
- Foster, J.J. 2001. *Data analyzing using SPSS for Windows*. London: Saga Publication



- Ghafani Awang Teh. 2003. Sijil Halal Bertaraf Global. Utusan Malaysia. 23 Dis 2003. (atas talian) <http://www.jphpk.gov.my>. Dicetak pada 11 November 2010.
- Gilem, 2003. Calculating, Interpreting, and Reporting Cronbachs Alpha Reliability Coefficient For Likert – Type Scales. *Midwest Research to Prestice Conference in Adult, Continuing, and Community Education*. October 8 – 10, 2003. The Ohio State University.
- Hans C.M, Trijpa, and Ivo A. van der Lansa. 2006. *Consumer Perceptions Of Nutrition And Health Claims*. Rotterdam : Unilever Food and Health Research Institute.
- Halal Industry Development Corporation (HDC). Halal certification (atas talian) <http://www.hdcglobal.com/publisher/certification> Dicetak 19 Januari 2010
- Halal Industry Development Corporation (HDC). Halal Logo (atas talian) <http://www.hdcglobal.com/publisher>. Dicetak 20 Januari 2011
- Hasliza Hassan Berita Harian "Sistem Pensijilan Halal JAKIM" (atas talian) <http://agamaberitaharian.blogspot.com/2010/01/sistem-pensijilan-halal-jakim-dapat.html>. Dicetak 15 Januari 2011
- Hassan bin Mat, Yahya bin Ismail, Wahab bin Ahmad, Latif bin Mat, dan Amran Bin Ismail. 2007. *Applied Statistics And Computer Application*. Master Sains Kaunseling. Tesis Sarjana. Universiti Utara Malaysia.
- Hong Youl Ha. 2004. Factors Influencing Consumer Perceptions Of Brand Trust Online. *Journal Of Product And Brand Management*. **13** (5): 329-342
- Iran Herman. 2004. *Statistik Dan Analisis Data Sains Sosial* (Cetakan Ketiga). Kedah :Penerbitan Utara
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). 2010. Prosedur Pensijilan Halal. (atas talian) <http://www.halaljakim.gov.my>. Dicetak pada 11 November 2010



- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). 2005. *Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). 2008. *Permohonan Sijil Dan Logo Halal*. Putrajaya : JAKIM
- Jabatan Lanskap Negara. 2009. *Pelan Induk Lanskap Majlis Perbandaran Tawau*. Malaysia. Kuala Lumpur: Jabatan Lanskap Negara.
- Jabatan Perangkaan Sabah. 2011. Populasi Penduduk Sabah. Atas talian. <http://www.statistics.gov.my>. Dicetak pada 2 Januari 2011.
- Jabatan Perangkaan Sabah. 2000. Populasi Penduduk Sabah. Atas talian. <http://www.statistics.gov.my>. Dicetak pada 2 Januari 2011.
- Kamaluddin Mohamad Nasir, Alexius A. Pereira. 2008. *Defensive Dining: Notes On The Public Dining Experiences In Singapore*. Department Of Sociology University Of Singapore.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2003. Laporan Penilaian Prestasi Pegawai Perkhidmatan Sokongan (II). Kerajaan Malaysia. Borang JPA.
- Kotler, P. and Keller, K. L .2006. *Marketing Management*. New Delhi: Prentice-Hall of India
- Krejcie R.V and Morgan D.W. 1970. Determining The Sample Size For Research Activities. *Educational And Phsyochological Measurements*. 30 : 607 - 610
- Lau Too Kya dan Zainuddin Awang. 2000. *Statistik Asas ITM*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Lokman Abd.Rahman. 1999. *Halal dan Kepenggunaan*. Melaka: Majlis Agama Islam Melaka

- Lokman Abd. Rahman. 2008. *Syariah dan Sistem Pensijilan Halal di Malaysia. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Makanan Halal*. Nilai. Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).
- Mariam Binti Abdul Latif. 2004. *Requirements for The Development of Halal Food Quality Management System in Malaysia*. Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Mardziah Bt Abd.Rahim . 2009. *Persepsi Wanita Bekerjaya Terhadap Halal Haram Dalam Pemakanan*. Tesis Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia.
- Majlis Perbandaran Tawau. 2010. *Tawau Secara Ringkas*. Risalah Perpustakaan Daerah Tawau.
- Md. Tawfik Salah Mohammed Al-Nahdi, Ishak Ismail, Hasnah Haron dan Md. Aminul Islam. 2009. *Intention to Patronage Halal Restaurants Among Malaysian Muslims -An Issue of Halal Perception*. Universiti Teknologi MARA. Global Strategic Management Inc.
- Mian N. Riaz dan Muhammad M. Chaudry. 2004. *Halal Food Production*. New York: CRC Press LLC.
- Muhammad Shamin Rahman, Sana Usman, Oliver Warren and Thanos Athanasiou. 2010. *Questionnaire, Surveys, Scales In Surgical Research: Concepts And Methodology. Department Of Biosurgery And Surgical Technology*. London: Imperial College.
- Mohd. Mohadis Yasin. 2008. *Makanan Halal: Pengguna Perlu Prihatin*. <http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=0505&pub=Utusa>
Dicetak pada 12 hb Disember 2010
- Mohd. Konting Majid. 1994. *Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mohd. Konting Majid. 1990. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.



- Mohd. Yusof. 2006. Keperihatinan Pengguna Islam Terhadap Logo Halal Pada Produk Makanan. Tesis Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Fadhil. 2003. Sikap *Pelajar SPI Terhadap hukum Halal Haram: Kajian Terhadap Amalan Pemakanan, Pakaian dan Urusan Kewangan*. Tesis Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia.
- Nik Mohamed Affandi. 2002. *Islam and Business*. Selangor: Pelanduk Publications.
- Norhayati Zakaria dan Asmat Nizam Abdul Talib. 2010. Applying Islamic Market Oriented Cultural Model To Sensitize Strategies Towards Global Customers, Competitors And Environment. *Journal Of Islamic Marketing*. **1**(1): 51-62.
- Norinah Binti Abdul Rahman. 2007. *Sensitiviti Masyarakat Islam Terhadap Pemilihan Makanan Halal Dalam Kehidupan Sehari-hari*. Tesis Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia.
- Norzalila Binti Jamaluddin. 2004. *An Empirical Study of Consumer Intention to Purchase Halal Food Products*. Tesis Sarjana. Universiti Sains Malaysia.
- Nuradli Ridzwan Shah Mohd Dali, Suhaila Sulaiman, Akmaliah A. Samad, Nurbaiti Ismail, Siti Hajar Alwi. 2007. Halal Products From The Consumer Perception, Online Survey. *Convention of Islamic Entrepreneurships. Faculty of Economy, Muamalat*. Islamic University College of Malaysia.
- Nurishah Binti Lokman. 2009. *Persepsi Pelajar Terhadap Konsep Makanan Halal Menurut Islam*. Tesis Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia.
- Osman, M. Sahidan. 2002. "HALAL"- *The Case of Malaysian Muslim Consumer Quest For Peace Of Mind*. Atlanta: American Marketing Association.
- Persatuan Pengguna Pulau Pinang. 2006. *Halal Haram: Buku Penting Untuk Umat Islam*. Pulau Pinang: Persatuan Pengguna Pulau Pinang



- Rashidah Binti Che Wil. 2009. Sirih Pulang Ke Gagang. Buletin Halal. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Disember: 3
- Ron Larson and Elizabeth Farber. 1999. *Elementary Statistics. Picturing the World*. 3rd Edition. United Kingdom: Prentice Hall.
- Shahidan Shafie and Md Nor Othman. 2006. Halal Certificate: An International Marketing Issues and Challenges. (online) http://www.ctwcongress.de/ifsam/download/track_13/pap00226.pdf. Retrieved on 5th November 2010
- Siti Norlina Binti Muhamad. 2008. *Kecenderungan Ibumapa Muslim Terhadap Pemakanan Halal : Kajian Di Skudai, Johor Bahru, Johor*. Pusat Pengajian Islam Dan Pembangunan Sosial, Universiti Teknologi Malaysia
- Syeikh Fauzi Muhammad Abu Zaid. 1997. *Hidangan Islami: Ulasan Komprehensif Berdasarkan Syari'at dan Sains Moden*. Jakarta: Gema Insani Press.
- Touliatos J. and Compton N.H. 1988. *Research Methods in Human Ecology/Home Economics*. United States Of America: Iowa State Press
- Uma Sekaran. 2003. *Research methods for business : A skill-building approach* New York: John Wiley & Sons, Inc.
- Wan Melissa Wan Hassan and Khairil Wahidin Awang. 2009. Halal Food In New Zealand Restaurant: An Exploratory Study. *Journal of Economics and Management* **3**(2):385-402
- Yaacob Che Man, Y.B., Syahariza, Z.A., Mirghani M.E.S., Jinap, S. Bakar, J. 2007. Analysis of potential lard adulteration in chocolate and chocolate products using FTIR spectroscopy. *Food Chem.* **90**:815-819
- Yusuf al - Qardhawi. 2005. *Halal dan Haram dalam Islam*. Arab Saudi: Pustaka Online Media



- Zalina Zakaria. 2007. Isu-isu Terkini Tentang Pengguna di Malaysia. *Jurnal Syariah*. **15**:2 45-60.
- Zalina Zakaria. 2004. Keberkesanan Undang-undang makanan dan produk halal di Malaysia. *Jurnal Syariah* **12**:2, 95-106
- Zuraini Mat Issa, Haslenna Hamdan, Wan Rohanizan Wan Muda and Kamaruzaman Jusoff. 2009. Practices of Food Producers in Producing Halal Food Products in Malaysia. *Interdisciplinary Journal Of Contemporary Research In Business* **1**:7, 53-63.

